"Kita sedang berusaha ke arah ini, dan kita harap proses ini dapat dipercepatkan agar tenaga kerja penjagaan negara dapat berkembang dengan lebih pantas," katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



KALSOM menyempurnakan pemasangan plak taska berdaftar di sebuah taska di Bemban bersempena WRUR DUN Bemban. Foto Iqmal Haqim Rosman

KINI LEBIH MUDAH SEMAK TASKA BERDAFTAR DI MELAKA

NURSALIAWATI SALBERI
ISNIN, 30 JUN 2025 @ 18:45

BEMBAN 30 Jun – Sebanyak 150 taman asuhan kanak-kanak (taska) di Melaka direkodkan telah berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) setakat Jun.

Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri Datuk Kalsom Nordin berkata, kesemua premis itu telah dipasang Plak Taska Berdaftar yang dilakukan secara berperingkat.

Beliau berkata, setiap plak yang dipasang itu dilengkapi dengan Kod Respons Fantasi (QR), di mana ibu bapa atau orang awam boleh mendapatkan maklumat berkaitan taska berkenaan di hujung jari.

“Kita tidak mempunyai angka yang tepat bagi keseluruhan taska namun setakat ini taska yang berdaftar dengan JKJ adalah sebanyak 150 buah.

“Namun begitu kita anggarakan terdapat kira-kira 50 lagi taska yang beroperasi di luar sana masih atau dalam proses pendaftaran.

“Untuk itu JKJ kini giat menjalankan penguatkuasaan keatas premis-premis ini supaya dapat berdaftar kerana jika kita lihat kebanyakan kes atau insiden tidak diingini kebiasaannya membabitkan taska yang tidak berdaftar,” katanya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui selepas Hari Interaksi Kanak-Kanak Dan Pemasangan Plak Taska sempena program Wakil Rakyat Untuk Rakyat (WRUR) Dewan Undangan Negeri (DUN) Bemban, di sini, hari ini.

Hadir sama, Timbalan Exco Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti negeri, Leng Chau Yen dan Setiausaha Badan Amal Kebajikan Isteri Wakil-Wakil Rakyat Negeri Melaka (DISTARI) Datin Ernie Aidilia Karim.

Kalsom berkata, pemasangan plak yang dilaksanakan dibawah Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) itu bertujuan memudahkan ibu bapa khususnya mengenal pasti taska berdaftar sebelum menghantar anak mereka.

“Menerusi kod QR disediakan ibu bapa dapat mengakses dan menyemak sama ada taska itu berdaftar, selain melihat jumlah bilangan penghuni yang ditempatkan di premis itu.

“Malah kita juga tidak berkompromi dengan pihak atau taska yang tidak berdaftar justeru itu tindakan penguatkuasaan akan diambil termasuk mengeluarkan kompaun dan sitaan,” katanya.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lindungi hak wanita, kanak-kanak secara menyeluruh

Nasional - Dicipta: 30 Jun 2025 03:31 PM



Datuk Edmund Bon Tai Soon pada sidang media selepas mempengerusikan Bengkel Serantau mengenai Perspektif Lensa Gender dalam Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, di ibu negara.

KUALA LUMPUR, 30 Jun - Usaha memperkukuh kesaksamaan gender dan perlindungan hak wanita serta kanak-kanak memerlukan kerjasama menyeluruh antara kerajaan, sektor korporat dan masyarakat sivil.

Pengerusi Suruhanjaya Antara Kerajaan ASEAN Mengenai Hak Asasi Manusia (AICHR), Datuk Edmund Bon Tai Soon berkata, peranan sektor perniagaan juga penting dalam memastikan hak golongan berkenaan tidak terabai, terutamanya apabila mereka terlibat dalam rantaian operasi syarikat.

"Masih banyak cabaran yang dihadapi wanita dan kanak-kanak yang menuntut perhatian segera. Perlindungan mereka bukan hanya tanggungjawab kerajaan, tetapi juga pihak perniagaan.

"Syarikat perlu memastikan operasi mereka tidak menjejaskan hak atau keselamatan wanita dan kanak-kanak," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas mempengerusikan Bengkel Serantau mengenai Perspektif Lensa Gender dalam Perniagaan dan Hak Asasi Manusia, di ibu negara.

Turut dihadiri Naib Pengerusi Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM), Tengku Mohamed Fauzi Tengku Abdul Hamid.

Bengkel tersebut menghimpunkan lebih 100 perwakilan dari negara ASEAN bertujuan menggalakkan kerjasama serantau dalam menangani diskriminasi dan memperkukuh perlindungan hak wanita dan kanak-kanak, khususnya dalam konteks perniagaan dan pembangunan ekonomi.


Inisiatif itu seiring dengan usaha Malaysia selaku Pengerusi ASEAN yang menekankan rangka kerja berasaskan keterangkuman dan kemampuan sebagai teras utama kepimpinan negara dalam memperjuangkan hak asasi manusia di rantau ini.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Petugas kesihatan didakwa bertindak kasar keatas bayi baharu lahir



TANGKAP layar laporan yang dibuat ke atas petugas kesihatan di sebuah hospital di Kelantan selepas didakwa bertindak kasar kepada seorang bayi yang baru dilahirkan.

Oleh MUHAMMAD YATIMIN ABDULLAH 30 Jun 2025, 12:28 pm

KOTA BHARU: Seorang petugas kesihatan di sebuah hospital di negeri ini didakwa telah bertindak kasar ke atas bayi yang baharu dilahirkan di pusat perubatan berkenaan pada Khamis lalu.

Menurut tangkap layar yang dikongsikan oleh sebuah laman sosial petugas itu turut menggelarkan bayi itu sebagai 'anak lorong'.

Selain itu, petugas tersebut turut didakwa mengejutkan bayi dengan penumbuk besar, menyusukan bayi dengan kasar ketika bayi tidak mahu menghabiskan susu.

Petugas berkenaan turut didakwa menyoyoh pipi bayi itu menggunakan ayat kurang sopan 'tembam gila kau' dan 'anak lorong'.

Bukan itu sahaja, bayi tersebut turut didakwa ditepuk dengan kadar pada bahagian belakang selepas menyusukan bayi.

Sementara itu Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan Datuk Zaini Hussin mengesahkan menerima laporan dan siasatan lanjut berhubung dakwaan itu sedang dijalankan bagi mengetahui punca sebenar kejadian.

"Saya difahamkan, bayi itu bukan digelar anak lorong, tetapi ada kakitangan lain bertanya mengenai kedudukan bayi lain. Jadi kakitangan itu beritahu di lorong ini," katanya.-UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



JKNK siasat kes petugas bertindak kasar pada bayi baharu lahir



Oleh YATIMIN ABDULLAH 30 Jun 2025, 2:17 pm

KOTA BHARU: Jabatan Kesihatan Negeri Kelantan (JKNK) menjalankan siasatan menyeluruh berhubung dakwaan seorang petugas kesihatan bertindak kasar dan menggelarkan bayi baharu dilahirkan di Hospital Raja Perempuan Zainab (HRPZ) II di sini sebagai 'anak lorong'.

Pengarahnya Datuk Dr. Zaini Hussin berkata, JKNK mengambil serius sebarang bentuk salah laku atau perlakuan yang tidak beretika dalam kalangan petugas kesihatan.

"Berdasarkan maklumat awal, kejadian dilaporkan berlaku pada Sabtu. Pengadu kemudian telah mengemukakan laporan berhubung kejadian itu menerusi Sistem Pengurusan Aduan Awam (SisPAA) semalam.

"Siasatan itu dilakukan berlandaskan prosedur yang ditetapkan," katanya hari ini.

Dr. Zaini berkata, sebarang isu berkaitan salah laku akan ditangani secara tegas demi memelihara integriti dan profesionalisme perkhidmatan kesihatan negara.

Katanya, semua pesakit berhak menerima layanan penuh empati, hormat dan profesionalisme tanpa mengira latar belakang.

"Kualiti penjagaan dan keselamatan pesakit sentiasa menjadi keutamaan kami. JKNK komited untuk memastikan kesejahteraan dan keselesaan semua pelanggan sentiasa terpelihara," katanya.

Petugas itu turut didakwa mengejutkan bayi berkenaan dengan penumbuk, menyusukan bayi dengan kasar kerana anak kecil itu tidak mahu menghabiskan susu. – [UTUSAN](#)

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru didakwa memiliki bahan lucah kanak-kanak

🕒 30 Jun 2025, 11:42am



Tertuduh, Rosli Sulaiman, 47, mengaku tidak bersalah atas tiga pertuduhan memiliki bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak.

Oleh: Fazli Ahmad

TEMERLOH: Seorang guru sebuah sekolah didakwa di mahkamah sesyen di sini, atas tiga pertuduhan memiliki bahan penganiayaan seksual terhadap kanak-kanak.

Bagaimapun tertuduh, Rosli Sulaiman, 47, mengaku tidak bersalah sebaik semua pertuduhan dibacakan terhadapnya di hadapan hakim Jamaludin Mat.

Mengikut fakta pertuduhan pertama, guru terbabit didakwa memiliki bahan lucah itu dalam telefon bimbit miliknya.

Kesalahan didakwa dilakukan kira-kira jam 6 petang, 18 Jun lalu di Ibu Pejabat Polis (IPD) Temerloh.

Manakala bagi pertuduhan kedua dan ketiga, Rosli didakwa memiliki bahan lucah itu dalam telefon bimbit serta komputer riba milik beliau.

kesalahan dilakukan itu kira-kira jam 4.45 petang, 19 Jun lalu, di sebuah rumah di Kampung Berhala Gantang, di sini.

Semua pertuduhan dibuat mengikut Seksyen 10, Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Sabit kesalahan boleh dipenjara tidak lebih lima tahun dan denda tidak lebih RM10,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan kes dilakukan Timbalan Pendakwa Raya, Khairunnisa Zaffar manakala tertuduh diwakili peguam Ahmad Nizam Hamid.

Mahkamah membenarkan tertuduh dijamin RM3,000 bagi setiap pertuduhan dan 30 Julai depan ditetapkan untuk sebutan semula kes.

Hakim turut menetapkan syarat tambahan, tertuduh tidak boleh mengganggu saksi dan melapor diri di balai polis berdekatan kediamannya sebulan sekali.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Mayat wanita, anak perempuan ditemukan di pangsapuri

30 Jun 2025, 11:31pm



Anggota polis mengangkat mayat yang ditemukan dalam sebuah pangsapuri di Bukit Gambir, hari ini.

Oleh: Selwam Arjunan

GEORGE TOWN: Bau busuk membawa kepada penemuan mayat seorang wanita dan anak perempuannya di sebuah pangsapuri di Bukit Gambir, di sini, petang tadi.

Difahamkan, pihak polis menerima panggilan berhubung kejadian itu kira-kira jam 4.40 petang.

Kemudiannya pasukan bomba dipanggil untuk membuka pintu kediaman terbabit kerana berkunci dari dalam.



Susulan itu, pasukan polis menemukan mayat seorang wanita tempatan berusia 40 tahun dan kanak-kanak perempuan berusia dua tahun di dalam bilik utama rumah berkenaan.

Difahamkan, siasatan dan pemeriksaan awal mendapati kedua-dua mangsa dipercayai telah meninggal dunia lebih seminggu lalu.



Kes berkenaan dipercayai diklasifikasikan sebagai mati mengejut (SDR) setakat ini, sementara menunggu laporan bedah siasat.

Mangsa dipercayai telah bercerai serta tidak bekerja dan tinggal bersama anaknya di kediaman itu.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Duda guna helah dahaga sebelum didakwa 'sentuh' budak

Oleh MUHAMMAD SHAHIZAM TAZALI | 30 Jun 2025, 1:11 pm



TERTUDUH diiringi anggota polis selepas dihadapkan atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal ke atas kanak-kanak berusia tahun. Foto oleh ARIF HAMIZAN MISKON/KOSMO!

MELAKA – Seorang pembantu kedai makan mengaku tidak bersalah di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan mencabul seorang kanak-kanak perempuan yang juga anak majikannya berusia enam tahun, dua minggu lalu.

Tertuduh, Mahfuz Mahmud, 50, yang merupakan seorang duda lima anak membuat pengakuan itu sejurus pertuduhan dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Haderiah Siri.

Berdasarkan kertas pertuduhan, tertuduh didakwa dengan sengaja melakukan amang seksual fizikal terhadap seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun bagi tujuan seksual.

Perbuatan itu dilakukan kira-kira pukul 11.25 pagi di sebuah rumah di Batu 3, Kampung Duyong dalam daerah Melaka Tengah pada 21 Jun 2025.

Sabit kesalahan tertuduh boleh dihukum penjara sehingga 20 tahun dan boleh juga dihukum sebat mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

Difahamkan, sebelum kejadian tertuduh yang membantu bapa mangsa berniaga di hadapan kediaman keluarga itu memberitahu dia merasa dahaga dan mahu masuk ke dalam rumah untuk minum air.

Tertuduh bagaimana bertindak mengunci pintu rumah dan tindakan itu disedari oleh bapa mangsa.

Berasa curiga dengan tingkah laku tertuduh, bapa mangsa kemudiannya memeriksa keadaan menerusi sistem televisyen litar tertutup (CCTV) dari telefon bimbitnya dan terkejut melihat perbuatan lelaki itu terhadap anaknya.

Terdahulu, pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Mohd. Azfar Mahmud menawarkan jaminan RM20,000 beserta syarat tambahan dilarang mengganggu saksi dan melaporkan diri di balai polis berhampiran setiap bulan.

Tertuduh yang tidak diwakili peguam bagaimanapun merayu agar jaminan rendah diberikan dengan alasan hanya bekerja sebagai pembantu kedai makan dan menyara ibunya serta lima orang anak.

Selepas mendengar rayuan kedua belah pihak mahkamah membenarkan tertuduh diikat jamin sebanyak RM9,000 beserta syarat tambahan dipohon pendakwaan dan menetapkan tarikh 29 Julai depan untuk sebutan semula kes. – KOSMO! ONLINE

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Guru amang seksual murid diperintah bela diri



CAMBAR HIASAN

Oleh NOR SHAFAWATI YUP · 30 Jun 2025, 2:39 pm

SEREMBAN: Seorang guru diperintah membela diri oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual fizikal terhadap anak murid perempuannya berusia 13 tahun di surau sekolah, tiga tahun lalu.

Hakim Datin Surita Budin membuat keputusan itu selepas pihak pendakwaan berjaya membuktikan kes prima facie terhadap tertuduh Farid Azhar Nawi, 47.

Surita memaklumkan keputusan itu dibuat setelah mendengar keterangan saksi-saksi pendakwaan dan ekshibit serta membaca hujahan bertulis daripada kedua-dua belah pihak.

"Pada tahap penilaian secara maksimum, mahkamah memutuskan pendakwaan berjaya membuktikan satu kes prima facie bagi pertuduhan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017.

"Oleh itu, tertuduh dipanggil untuk membela diri dan diberi tiga pilihan iaitu memberi keterangan secara bersumpah di kandang saksi, memberi kenyataan tidak bersumpah atau berdiam diri," katanya pada keputusan akhir kes pendakwaan hari ini.

Peguam Nor Azleen Khairina A Aziz yang mewakili tertuduh memaklumkan anak guamnya memilih untuk memberi keterangan secara bersumpah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh telah melakukan amang seksual fizikal dengan cara menyentuh bagi maksud seksual pinggang seorang kanak-kanak perempuan berusia 13 tahun ketika kejadian yang mana tertuduh mempunyai hubungan amanah sebagai guru.

Kesalahan itu dilakukan lebih kurang pukul 5.30 petang di surau sebuah sekolah menengah di Senawang di sini pada 4 Ogos 2022.

Sehubungan itu, tertuduh telah melakukan kesalahan di bawah Seksyen 14(a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan dibaca bersama Seksyen 16(c) akta yang sama.

Jika sabit kesalahan, boleh dihukum penjara maksimum 20 tahun dan sebat serta penjara lima tahun dan dua sebatan. Mahkamah kemudian menetapkan 18 Julai depan untuk sebutan semula kes manakala 1 dan 14 Ogos untuk tarikh bicara. – UTUSAN

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Penuhi keinginan teman lelaki motif ibu biarkan anak dirogol

Raja Noraina Raja Rahim
rnoraina@hmetro.com.my



GAMBAR hiasan

Ampang: Ingin memenuhi keinginan teman lelaki dipercayai motif seorang wanita sanggup membiarkan anak gadisnya diperkosa kekasihnya itu, pada tahun lalu.

Ketua Polis Daerah Ampang, Asisten Komisioner Mohd Azam Ismail berkata, tindakan wanita terbabit diperoleh menerusi siasatan yang dijalankan polis.

"Setakat ini, seramai lima individu sudah diambil keterangan termasuk suspek dan ibu mangsa.

"Namun bagi rakaman keterangan mangsa berusia 13 tahun yang masih bersekolah itu dijadualkan esok di Pusat Temuduga Kanak-Kanak (CIC)," katanya dalam kenyataan hari ini.

Harian Metro semalam melaporkan, seorang warga emas ditahan bersama teman wanitanya kerana disyaki merogol anak wanita itu yang berusia 13 tahun.

Mohd Azam dilaporkan berkata, siasatan awal mendapati ketika kejadian rogol itu disaksikan oleh ibu kandung mangsa sendiri.

Beliau dilaporkan berkata, mangsa melarikan diri dan melaporkan kepada polis selepas mendapat tahu perbualan antara ibunya yang mahu berjumpa dengan lelaki itu di hotel di ibu negara.

Bertindak atas laporan itu, polis menahan lelaki berusia 61 tahun dan ibu mangsa berusia 36 tahun yang bekerja sebagai pengawal keselamatan pada Jumaat.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : BAPA ROGOL, CABUL ANAK DIPENJARA 30 TAHUN DAN 13 SEBATAN

HARI : SELASA

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 1 JUL 2025

M/SURAT : 17

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Bapa rogol, cabul anak dipenjar 30 tahun dan 13 sebatan

Temerloh: Seorang bapa di-hukum penjara 30 tahun dan dikenakan 13 sebatan oleh Mahkamah Sesyen, di sini semalam, selepas didapati bersalah atas dua tuduhan merogol dan mencabul anak kandung berusia 10 tahun, tiga tahun lalu.

Hakim Jamaludin Mat dalam keputusannya memerintahkan hukuman penjara dijalankan serentak, bermula dari tarikh tertuduh ditahan pada 12 September 2022, manakala hukuman sebatan dilaksanakan sepe-nuhnya.

Bagi kesalahan merogol, hakim mengarahkan tertuduh dipenjar 20 tahun dengan 10 sebatan, manakala bagi kesalahan amang seksual fizikal, lelaki itu dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan tiga sebatan.

Mengikut fakta kes, tertuduh berusia 54 tahun itu didakwa merogol anak kandungnya berusia 10 tahun tiga bulan, di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Lubuk Paku, Maran pada pertengahan Mac 2022.

Bapa enam anak

Bagi kesalahan itu, pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan maksimum 10 sebatan.

Bagi kesalahan kedua, bapa kepada enam anak itu didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung yang sama di tempat sama kira-kira jam 8 malam, 8 Ogos 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika disabit kesalahan, boleh dipenjar tidak melebihi 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Khairunnisa Zaffar manakala tertuduh diwakili peguam Khairul Anuar Abu Hasan Ashari dan Ahmad Zahid Abu Hashim.

Sebelum keputusan dibuat, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman paling berat setimpal perbuatan keji tertuduh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : 30 YEARS' JAIL FOR RAPING DAUGHTER

HARI : SELASA

AKHBAR : NEW STRAITS TIMES

TARIKH : 1 JUL 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

13 STROKES OF THE CANE

30 years' jail for raping daughter

TEMERLOH: A man was sentenced to 30 years' jail and 13 strokes of the cane by the Sessions Court here yesterday for raping and sexually abusing his then 10-year-old daughter three years ago.

The 54-year-old was ordered to serve 20 years in prison and given 10 strokes of the cane for rape, and another 10 years and three strokes for sexual abuse.

Judge Jamaludin Mat ordered the sentences to run concurrently from the date of arrest on Sept 12, 2022.

For the first offence, the accused was charged with raping his daughter, then aged 10 years and 3 months, at a residence in Maran in March 2022.

For the second offence, he was accused of sexually abusing the



*A man was convicted at the Temerloh Sessions Court yesterday of raping and sexually abusing his then 10-year-old daughter in 2022. NSTP
PIC BY FAZLI AHMAD*

child at the same place about 8pm on Aug 8, 2022.

Prior to sentencing, deputy public prosecutor Khairunnisa Zaffar urged the court to mete out

the maximum penalty, citing the severity of the crime.

Khairul Anuar Abu Hasan Ashari and Ahmad Zahid Abu Hashim represented the accused.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Bapa dipenjara 30 tahun, 13 sebatan kerana rogol dan cabul anak kandung

Oleh Fazli Ahmad - Jun 30, 2025 @ 2:46pm



TEMERLOH: Seorang bapa dihukum penjara 30 tahun dan dikenakan 13 sebatan oleh Mahkamah Sesyen di sini hari ini, selepas didapati bersalah atas dua tuduhan merogol dan mencabul anak kandung berusia 10 tahun, tiga tahun lalu.

Hakim Jamaludin Mat dalam keputusannya memerintahkan hukuman penjara dijalankan serentak, bermula dari tarikh tertuduh ditahan pada 12 September 2022 manakala hukuman sebatan dilaksanakan sepenuhnya.

Bagi kesalahan merogol, hakim mengarahkan tertuduh dipenjara 20 tahun dengan 10 sebatan manakala bagi kesalahan amang seksual fizikal, lelaki itu dijatuhi hukuman penjara 10 tahun dan tiga sebatan.

Mengikut fakta kes, tertuduh berusia 54 tahun itu didakwa merogol anak kandungnya berusia 10 tahun tiga bulan, di sebuah rumah tidak bernombor di Kampung Lubuk Paku, Maran pada pertengahan Mac 2022.

Bagi kesalahan itu, pendakwaan dibuat mengikut Seksyen 376(3) Kanun Keseksaan yang memperuntukkan hukuman penjara maksimum 30 tahun dan maksimum 10 sebatan.

Bagi kesalahan kedua, bapa kepada enam anak itu didapati bersalah melakukan amang seksual fizikal terhadap anak kandung yang sama di tempat sama kira-kira jam 8 malam, 8 Ogos 2022.

Bagi kesalahan itu, tertuduh didakwa mengikut Seksyen 14 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 yang jika disabit kesalahan, boleh dipenjara tidak melebihi 20 tahun dan sebatan.

Pendakwaan dikendalikan Timbalan Pendakwa Raya Khairunnisa Zaffar manakala tertuduh diwakili peguam Khairul Anuar Abu Hasan Ashari dan Ahmed Zahid Abu Hashim.

Sebelum keputusan dibuat, pihak pendakwaan memohon mahkamah menjatuhkan hukuman paling berat setimpal perbuatan keji tertuduh.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWKM

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



Lelaki Pakistan didakwa cabul kanak-kanak perempuan 12 tahun

Hidayatidayu Razali
am@hmetro.com.my



Seorang peniaga warga Pakistan, Muhammad Iqbal, 50, didakwa di Mahkamah Sesyen terhadap pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal ke atas kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun empat bulan di sebuah kedai runcit di Kampung Seribong Limbat. FOTO NIK ABDULLAH NIK OMAR

Kota Bharu: Peniaga warga Pakistan didakwa di Mahkamah Sesyen di sini, hari ini atas pertuduhan melakukan amang seksual bukan fizikal ke atas kanak-kanak perempuan bawah umur pada 14 Jun lalu.

Tertuduh, Muhammad Iqbal, 50, mengaku tidak bersalah atas pertuduhan yang dibacakan jurubahasa mahkamah di hadapan Hakim Zulkifli Abllah.

Mengikut pertuduhan, tertuduh didakwa melakukan amang seksual bukan fizikal ke atas kanak-kanak perempuan berusia 12 tahun empat bulan di sebuah kedai runcit di sini, 11 malam pada 14 Jun lalu.

Tertuduh didakwa mengikut Seksyen 15 (a) Akta Kesalahan-Kesalahan Seksual Terhadap Kanak-Kanak 2017 dan boleh dihukum mengikut Seksyen 15 akta yang sama, memperuntukkan penjara tidak lebih 10 tahun atau denda sehingga RM20,000 atau kedua-duanya.

Pendakwaan dikendalikan oleh Timbalan Pendakwa Raya Ahmad Faiz Fitri Mohamad, manakala tertuduh tidak diwakili peguam.

Terdahulu, Ahmad Faiz Fitri tidak menawarkan jaminan kepada tertuduh.

Mahkamah menetapkan 30 Julai depan sebagai tarikh sebutan semula kes untuk serahan dokumen.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : MAN DENIES MOLESTING EMPLOYER'S DAUGHTER

HARI : SELASA

AKHBAR : THE STAR

TARIKH : 1 JUL 2025

M/SURAT : 09

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Man denies molesting employer's daughter

MELAKA: A 50-year-old restaurant assistant has claimed trial to a charge of allegedly molesting his employer's six-year-old daughter.

The accused entered the plea before Sessions Court judge Haderiah Siri yesterday.

According to the charge, the father of five is accused of sexual-

ly abusing the girl.

The offence was allegedly committed at the child's family home at about 11.25am on June 21.

The charge was framed under Section 14(a) of the Sexual Offences Against Children Act 2017 which carries a prison term of up to 20 years and whipping, upon conviction.

Earlier, deputy public prosecutor Mohd Azfar Mahmud offered bail at RM20,000 along with additional conditions that the accused must not disturb witnesses.

The accused was also ordered to report to the nearest police station every month.

The man, a divorcee who was unrepresented, appealed for a

lower bail.

He said that he worked as a restaurant assistant and has to support his five children and mother.

The court set bail at RM9,000 with the additional conditions requested by the prosecution and fixed July 29 as the next mention date.

LAPORAN PEMANTAUAN MEDIA KPWK

www.kpwkm.gov.my • kpwkm



TAJUK : GURU TADIKA DISYAKI DERA BUDAK DITAHAN

HARI : SELASA

AKHBAR : HARIAN METRO

TARIKH : 1 JUL 2025

M/SURAT : 05

TONE : NEGATIF

SEKTOR : KPWK

Guru tadika disyaki dera budak ditahan

Kuala Lumpur: Polis menahan seorang wanita yang juga guru sebuah tadika swasta selepas disyaki mencederakan seorang kanak-kanak perempuan berusia enam tahun.

Guru berusia 30 tahun itu ditahan sekitar jam 2 petang kelmarin oleh sepasukan polis dari Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Gombak, susulan laporan yang dibuat bapa mangsa.

Ketua Polis Daerah Gombak, Asisten Komisioner Noor Ariffin Mohamad Nasir berkata, kejadian dilaporkan berlaku Isnin, 26 Mei lalu sekitar jam 10 pagi.

"Pengadu yang juga bapa mangsa memaklumkan ketika berada di rumah dia mendapati terdapat kesan kecederaan pada bahagian kepala anaknya.

"Mangsa memberitahu kecederaan terbabit berpunca daripada tindakan seorang guru yang mencederakannya dengan menggunakan pen ketika berada di tadika," katanya, semalam.

Noor Ariffin berkata, mangsa dirujuk ke Hospital Selayang untuk rawatan lanjut dan disahkan mengalami kecederaan *solf tissue injury* di bahagian kepala.

"Ketika penahanan suspek, polis turut merampas satu bekas berisi pen serta decoder kamera litar tertutup (CCTV) di tadika berkenaan bagi membantu siasatan.

"Suspek akan dibawa ke Mahkamah Majistret Selayang bagi tujuan permohonan reman," katanya.

Beliau berkata, satu kertas siasatan dibuka mengikut Seksyen 31(1)(a) Akta Kanak-Kanak 2001.

Orang ramai yang mempunyai maklumat diminta menghubungi Pegawai Penyiasat Jenayah, Inspektor Muhammad Hakimie Razally di talian 011-3352585 atau Bilik Gerakan, IPD Gombak di 03-61262222.

Kejadian itu didedahkan di Facebook bekas guru Mohd Fadli Salleh yang mendakwa menemani pengadu yang juga rakannya membuat laporan polis susulan kejadian yang menimpa mangsa.

Mohd Fadli mendakwa mangsa trauma ketika setiap kali melalui sekolah tadikanya yang terletak di Kota Emerald, Rawang.